

B560:  
PARLIMEN-OPEC

1981

134

KUALA LUMPUR, 1 APRIL (BERNAMA) — MALAYSIA TIDAK BOLEH MENGASINGKAN DIRI DARIPADA KEPUTUSAN-KEPUTUSAN OPEC UNTUK MENAIKKAN HARGA MINYAK MENTAH, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENJELASKAN INI IALAH KERANA SEBAHAGIAN BESAR DARI MINYAK MENTAH YANG DIPROSES DALAM NEGERI DIIMPORT DARI NEGARA-NEGARA OPEC. LAGI PULA HARGA MINYAK MENTAH KELUARAN MALAYSIA JUGA DIPENGARUHI OLEH HARGA YANG DITETAPKAN OLEH OPEC, KATANYA MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK CHAN TECK CHAN (BEBAS-KOTA MELAKA).

BAGAIMANAPUN KERAJAAN TELAH MENGAMBIL TIDAK KURANG DARI LIMA LANGKAH BAGI MENGELAKKAN KESAN KENAIKAN HARGA OLEH OPEC KE ATAS NEGARA INI, KATANYA. — BERSAMBUNG 1558/LK

B561:  
PARLIMEN-OPEC 2 KUALA LUMPUR

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MENGAMBIL TIDAK KURANG DARI LIMA LANGKAH UNTUK MENGELAKKAN KESAN KENAIKAN HARGA MINYAK OPEC KE ATAS NEGARA INI.

INI TERMASUK MENGURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA MINYAK YANG DIIMPOR DENGAN MEMAJUKAN SIMPANAN GAS DI LUAR PANTAI, MENJIMATKAN SIMPANAN MINYAK YANG DIKETAHUI, MENERUSKAN USAHA MENCARIGALI DAN PENGGUNAAN KUASA ELEKTRIK HAIDRO.

MENYENTUH USAHA MENCARIGALI, BELIAU BERKATA PETRONAS BERCADANG MEMBUKA DUA KAWASAN KONTRAK BARU DI LUAR PANTAI SARAWAK TAHUN INI.

MENGENAI SOAL SAMADA MALAYSIA AKAN MENGANGGOTAI OPEN DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SOAL ITU TIDAK TIMBUL KERANA EKSPORT MINYAK DARI NEGARA INI ADALAH KECIL. LAGIPUN MALAYSIA TIDAK PERNAH DIJEMPUT UNTUK MENJADI AHLI OPEC, KATANYA. — BERSAMBUNG 1610/1B

B567  
PARLIMEN-OPEC 3 KUALA LUMPUR

OPEC, KATANYA, ADALAH SEBUAH PERTUBUHAN EKSLUSIF DIANGGOTAI OLEH 13 BUAH NEGARA SAHAJA SEDANGKAN TERDAPAT LEBIH 60 BUAH NEGARA PENGLUAR MINYAK.

DIANTARA SYARAT KEAHLIAN OPEC IALAH SESEBUAH NEGARA ITU MESTI MENGLUAR DAN MENGEKSPORT SEKURANG-KURANGNYA 1% DARI JUMLAH PENGLUARAN MINYAK DUNIA ATAU KIRA-KIRA 600,000 TONG SEHARI.

MENJAWAPB PERTANYAAN F ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENGGUBAL DASAR BARU MENGENAI PENGLUARAN MINYAK NEGARA KERANA DASAR YANG ADA SUDAH MAMPU MENJAMIN SEMUA RAKYAT MENDAPAT NIKMAT DARI-NYA.

MENJAWAB PERTANYAAN F ENCIK MUHYIDDIN HAJI MOHAMAD YASSIN (BN-PAGOH), TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK DIWAJIBKAN MEMATUHI SEBARANG KEPUTUSAN OPEC, TETAPI MANA-MANA KEPUTUSANNYA YANG MENGUNTUNGGAN NEGARA INI MEMANG SEWAJARNYA DIKUTI.

MENJAWAB PERTANYAAN WAKIL KOTA MELAKA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA KERAJAAN DI DUNIA YANG BOLEH MENJAMIN HARGA MINYAK TIDAK NAIK LAGI TAHUN INI. —BERNAMA 1545/MK